

24 JAN 1996

Anwar-Pelarasan

KERAJAAN SETUJU BAYAR SEBULAN GAJI SEBAGAI PENDAHULUAN PELARASAN

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Kerajaan bersetuju membayar sebulan gaji kepada lebih 800,000 kakitangan awam sebelum Hari Raya Puasa bulan depan sebagai pendahuluan kepada tunggakan pelarasan gaji yang bakal mereka terima.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumumkan demikian berkata keputusan itu dicapai pada mesyuarat mingguan Kabinet selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk rayuan yang dikemukakan oleh Cuepacs.

"Saya akan bermesyuarat sekarang dengan Perbendaharaan untuk menyejajarkan secepat mungkin pemberian itu supaya tidak membebankan (kakitangan kerajaan menjelang Hari Raya Puasa)," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian Nota Terbitan Al-Bai Bithamin Ajil antara Bank Islam dan KL International Airport Berhad di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Isnin lepas, Cuepacs, kongres kesatuan pekerja dalam perkhidmatan awam, menghantar telegram kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merayu supaya kerajaan membayar sebahagian daripada tunggakan pelarasan gaji sebelum Hari Raya Puasa.

Telegram itu ekoran kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Dr Mazlan Ahmad, bahawa tunggakan pelarasan gaji tidak mungkin dapat dibayar sebelum Hari Raya Puasa kerana persetujuan antara kerajaan dan Cuepacs berhubung pengagihannya masih belum dicapai.

November lepas, kerajaan bersetuju memperuntukkan sebanyak RM2,000 juta bagi tujuan pelarasan gaji kakitangannya dan menyerahkan kepada Cuepacs untuk mengagih-agihkan jumlah itu mengikut pandangan mereka.

Bagaimanapun, formula pengagihan yang dikemukakan Cuepacs itu tidak dapat diterima oleh kerajaan kerana ia mengetepikan prinsip pembahagian yang adil.

Sehubungan itu, kerajaan mengarahkan JPA supaya mengemukakan beberapa cadangan alternatif untuk dibincangkan dengan Cuepacs sebelum sebarang keputusan dibuat.

Anwar berkata, cadangan pembayaran pendahuluan itu dibuat oleh Dr Mahathir kerana ia sememangnya menjadi hasrat beliau (Perdana Menteri) dan kerajaan sejak awal lagi, di samping bersimpati kepada kakitangan kerajaan yang sudahpun menaruh harapan sebelum ini.

Katanya, Perdana Menteri tidak mahu kakitangan kerajaan tertunggu-tunggu keseluruhan tunggakan itu hanya kerana kerajaan dan Cuepacs masih tidak dapat mencapai persetujuan berhubung cara pengagihan.

"Berunding boleh berundinglah sampai bilapun. Tapi sekurang-kurangnya kita bayar dahulu sebahagiannya. Saya harap Cuepacs terima dengan baik," katanya.

Anwar berkata, pembayaran pendahuluan itu tidak akan menjejaskan rundingan antara kerajaan dan Cuepacs serta tidak mempengaruhi keputusan muktamad berhubung formula pengagihan.

Katanya, apa yang diharapkan oleh kerajaan sekarang ialah kakitangannya berbelanja dengan cermat manakala peniaga pula tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

Dalam hal ini, beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah diarah supaya mengambil tindakan pengawasan yang

lebih rapi dan keras bagi menjamin peniaga tidak menaikkan harga barang sesuka hati.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek berkata, JPA sudah menyiapkan formula pengagihannya untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri sebelum dibincangkan dengan Cuepacs.

"Beberapa perubahan pasti terdapat dalam pengagihan itu kerana tidak semua tuntutan Cuepacs diterima," katanya ketika ditemui pemberita di pejabatnya, di sini hari ini.

Katanya, apa yang penting pengagihan itu mesti adil dan semua kakitangan kerajaan mendapat faedah sewajarnya. -- BERNAMA